

**2020 P2**

Kertas ini mengandungi **lapan** soalan. Jawab mana-mana **lima** soalan. Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam bentuk karangan.

**(60 markah)**

1 Salah satu rukun iman ialah percaya kepada Hari Kebangkitan.

- (a) Apakah yang akan berlaku pada hari tersebut? (5m)
- (b) Nyatakan dua fungsi Hari Kebangkitan. (2m)
- (c) Apakah yang perlu dilakukan oleh orang Islam untuk mendapat kebaikan pada Hari Kebangkitan? (5m)

1 (a) (5m)

Perkara yang akan berlaku pada hari tersebut:

- 1) kehancuran seluruh alam
- 2) Allah menggantikan dengan alam baharu.
- 3) Menghidupkan semula manusia.
- 4) Segala amalan akan dihisab.
- 5) Menentukan sama ada mereka berada di syurga atau neraka.

**(1 jawapan : 1 x 1 m)**

(b) (2m)

Dua fungsi Hari Kebangkitan:

- 1) Melaksanakan keadilan terhadap seluruh manusia.
- 2) Segala perbuatan manusia akan dipersoalkan.

**(2 jawapan : 2 x 1 m)**

(c) (5m)

Untuk mendapat kebaikan pada Hari Kebangkitan seorang Islam boleh melakukan perkara tersebut:

- 1) Melakukan segala perintah Allah.
- 2) Meninggalkan semua larangan Allah.
- 3) Berlaku baik terhadap orang lain.
- 4) Mengikut apa yang diajarkan Rasulullah SAW.
- 5) Berdoa agar dimasukkan ke syurga.

*(atau mana-mana jawapan yang relevan)*

**(5 jawapan : 5 x 1 m)**

2020 P2

2 Naufal berada dalam keadaan bersih daripada hadas dan najis kerana ingin ke masjid untuk menunaikan solat. Dalam perjalanan ke masjid, Naufal dijilat oleh seekor anjing.

(a) Adakah wuduknya batal? Nyatakan sebabnya. (2m)

(b) Selain anjing, berikan empat contoh najis yang wajib dibersihkan seperti yang disebutkan dalam nas daripada al-Quran dan as-Sunnah. (4m)

(c) Najis pertengahan terbahagi kepada dua bahagian. Terangkan dua bahagian tersebut berserta satu contoh bagi setiap bahagian. (6m)

2

(a) (2m)

Tidak batal.

**(1 jawapan : 1 x 1 m)**

Sebabnya ialah air liur anjing bukan perkara yang membatalkan wuduk.

**(1 jawapan : 1 x 1 m)**

(b) (4m)

Najis yang wajib dibersihkan adalah:

- 1) babi
- 2) kencing
- 3) Tahi
- 4) Darah
- 5) Nanah
- 6) Muntah
- 7) Arak
- 8) Bangkai
- 9) Najis manusia dan binatang

**(mana-mana 4 jawapan : 4 x 1 m)**

(c) (6m)

2 Bahagian Najis Pertengahan:

1) Hukmi: Najis yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera. contohnya: Air kencing yang telah kering.

**(1 jawapan : 1 x 3 m)**

2) Aini: Najis yang boleh dilihat oleh pancaindera seperti: bau, warna & rasa. contohnya: Air kencing.

**(1 jawapan : 1 x 3 m)**

- 3 Ibadah umrah ialah ibadah yang mulia.
- (a) Berikan pengertian umrah. (3m)
- (b) Nyatakan tiga wajib umrah. (3m)
- (c) Berikan tiga hikmah haji dan umrah. (6m)

3 (a) (3m)

Umrah bermaksud:

- mengunjungi Baitullah di Mekah
- untuk mengerjakan ibadah yang tertentu
- pada sebarang masa sepanjang tahun

**(3 jawapan : 3 x 1 m)**

(b) (3m)

Tiga wajib umrah ialah:

- 1) Berihram di miqat.
- 2) Tawaf wada'.
- 3) Meninggalkan larangan-larangan ihram.

**(3 jawapan : 1 x 1 m)**

(c) (6m)

Hikmah Haji & Umrah ialah:

- 1) Membersihkan dari dosa
- 2) Melatih diri menghadapi kesusahan
- 3) Menimbulkan rasa rendah diri
- 4) Menambahkan pengetahuan tentang sejarah nabi
- 5) Memperkuat ekonomi umat Islam
- 6) Mengumpul rezeki yang halal
- 7) Mengingatnkan suasana di Padang Mahsyar

*(atau jawapan yang relevan)*

**(mana-mana 3 jawapan : 3 x 2 m)**

4 Rasulullah s.a.w. bersabda: "Berikan bahagian warisan yang ditentukan kepada pemiliknya."

(a) Nyatakan tujuh orang ahli waris perempuan yang layak menerima harta warisan. (7m)

(b) Terangkan perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum membahagikan harta pusaka. (5m)

4

(a) (7m)

Tujuh orang ahli waris perempuan yang layak menerima harta warisan ialah:

- 1) Ibu
- 2) Anak perempuan.
- 3) Kakak seibu sebapa
- 4) Kakak sebapa
- 5) Kakak seibu.
- 6) Isteri.
- 7) Nenek sebelah ibu atau bapa.
- 8) Cucu.
- 9) Pembebas hambanya.

**(mana-mana 7 jawapan : 7 x 1 m)**

(b) (5m)

Perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum pembahagian harta ialah:

- 1) Selesaikan segala yang berkaitan dengan harta si mati.
- 2) Keperluan urusan jenazah.
- 3) Melaksanakan tanggungjawab si mati.
- 4) Menyempurnakan wasiat si mati yang tidak melebihi  $\frac{1}{3}$  hartanya.
- 5) Baki dari selepas perkara diatas adalah dikira harta warisan.

**(5 jawapan : 5 x 1 m)**